

DARI MUSA SCULLY

HOUSTON, 29 SEPT. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA USAHAWAN DAN PELABUR DI BANDARAYA INI YANG KAYA DENGAN MINYAK BAHASA KERAJAAN TIDAK AKAN MENUKAR SYARAT-SYARAT EKUITI BAGI MENGUNTINGKAN RAKYAT MALAYSIA.

BERUCAP MERASMIKAN PUSAT PELABURAN FIDA DI PUSAT PERDAGANGAN DUNIA DI SINI, BELIAU MENEGASKAN, +INI TIDAK PERNAH BERLAKU DAN TIDAK AKAN BERLAKU DI MALAYSIA.+

KETIKA MEMBUAT JAMINAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA BUAH SYARIKAT TELAH MENYATAKAN KEBIMBANGAN MEREKA BAHAWA MESKIPUN PADA AWAL MEREKA DIBERI EKUITI YANG DAPAT DITERIMA +KERAJAAN MUNGKIN SETELAH BEBERAPA TAHUN AKAN MEMUTUS MENUKARKAN KEADAAN EKUITI BAGI MENYEBELAH PIHAK MALAYSIA.+

BELIAU MENEKANKAN DI HADAPAN LEBIH 70 ORANG PESERTA, KEBANYAKANNYA TERDIRI DARI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DALAM PERUSAHAAN PETROLEUM, BAHAWA PERBUATAN MEMILIKINEGARAKAN ATAU MENGAMBILALIH INDUSTRI ITU TIDAK AKAN BERLAKU WALAUPUN PROLEHAN SECARA SAH MENERUSI PEMBELIAN SAHAM-SAHAM MUNGKIN DIBUAT. — BERSAMBUNG 1105

MAHATHIR-EKUITI 2 HOUSTON

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MESKIPUN PERBUATAN MEMILIKINEGARAKAN INDUSTRI ADALAH MAINAN YANG PALING DIGEMARI OLEH NEGARA-NEGARA YANG BARU MERDEKA, MALAYSIA ENGGAN DIPENGARUHI OLEH PERBUATAN ITU.

+KAMI MENGHARGAI PELABURAN-PELABURAN ASING DAN CUKUP YAKIN AKAN KEBOLEHAN KAMI MELAWAN TIPU-HELAH ALA REPUBLIK +BANANA+, TAMBAHNYA.

+JADI PERUBAHAN DI PERINGKAT TENGAH TIDAK AKAN BERLAKU.+

KETIKA MENGHURAIKAN GARIS-GARIS PANDUAN PELABURAN KEPADA PARA PESERTA ITU, SETENGAH DARI MEREKA TIDAK PERNAH MELABUR DI MALAYSIA ATAU DI RANTAU ASEAN, BELIAU BERKATA, +INI ADALAH GARIS-GARIS PANDUAN DAN GARIS-GARIS PANDUAN MENGIKUT TAARIF TIDAK BOLEH BERSIFAT KAKU.+ BELIAU MENGULANGI BAHAWA KERAJAAN BERSEDIA MENERIMA SEMUA PANDANGAN SELAGI FAEDAH YANG DIDATANGKAN DIKONGSI SECARA SAKSAMA OLEH PELABUR DAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

MALAYSIA MENGHARAPKAN SUMBANGAN POSITIF TERHADAP PERTUMBUHAN DAN KEBAIKANNYA.

KATANYA, +TUAN-TUAN DIJEMPUT MENIKMATI DARI KEUNTUNGAN ITU TETAPI KAMI BERHARAP TUAN-TUAN BERSIKAP PRAGMATIS. — BERSAMBUNG 1110/SZ

££

B516

MAHATHIR-EKUITI 3 HOUSTON

+PARA PENIAGA YANG BAIK TIDAK MENGHARAP UNTUK MENDAPATKAN SEMUA DARI MASYARAKAT DI MANA MEREKA MENJALANKAN OPERASI TANPA MEMBERI APA-APA SEBALIKNYA.+

MENGENAI PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MEMBERITAHU PARA PESERTA ITU BAHAWA MALAYSIA ADALAH STABIL DARI SEGI KEWANGAN.

+SESAORANG ITU BOLEH MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA BIMBANG ATAU RAGU-RAGU,+ TEGASNYA.

KATANYA, ORANG-ORANG AMERIKA YANG MERUPAKAN ORANG-ORANG YANG PALING MAJU DALAM BIDANG TEKNOLOGI MINYAK PASTI MENGETAKUI TENTANG PELUANG-PELUANG BAGI PELABURAN DALAM INDUSTRI MINYAK DAN GAS ASLI YANG TERDAPAT DI MALAYSIA. — BERSAMBUNG 1113/SZ

MAHATHIR-EKUITI 5 HOUSTON

MALAYSIA SEKARANG INI MERUPAKAN PENGELUAR DAN PENGEKSPORT UTAMA MINYAK DAN PENEMUAN MINYAK DI KAWASAN TEPI PANTAINYA BARU-BARU INI MENUNJUKKAN BAHAWA PENGELUARAN DAN EKSPORT MINYAK AKAN BERTAMBAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENJELANG TAHUN 1980 PROJEK GAS CECAIR ASLI (LNG) MALAYSIA YANG MERUPAKAN ANTARA PROJEK YANG TERBESAR DI DUNIA AKAN MEMULAKAN PENGELUARAN.

TERDAHULU BERUCAP DI SEMINAR, Pengerusi FIDA, DATUK JAMIL JAN MENJELASKAN PERANAN PERLESENAN BARU PETRONAS DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERHUBUNG DENGAN KEGIATAN PENGELUARAN DAN PERUSAHAAN SAMPINGAN.

KATANYA, BIDANG-BIDANG YANG MEMPUNYAI POTENSI BAGI PELABURAN IALAH DALAM KEGIATAN SAMPINGAN INDUSTRI PETROLEUM SEPERTI MENGELUARKAN BAJA NITROGEN DAN PLASTIK.

TAMBAHNYA, KERAJAAN JUGA SEDANG MENGGALAKKAN MEMAJUKAN INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN GETAH. — BERSAMBUNG 1201/YF /

££

B522

MAHATHIR-EKUITI 6 HOUSTON

TERDAHULU, NAIB PRESIDEN TEXAS INSTRUMENTS INC., ENCIK ROLF R. HABERECHE, YANG MEMPUNYAI KILANGNYA DI ULU KELANG, BERKATA MUTU DAN DAYA PENGELUARAN PARA PEKERJA MALAYSIA ADALAH SANGAT BAIK.

KETIKA MEMUJI SIKAP POSITIF KERAJAAN DALAM DASAR-DASAR POLITIK DAN EKONOMINYA, BELIAU BERKATA SYARIKATNYA MENDAPAT SATU PENGALAMAN PELABURAN YANG BAIK DI MALAYSIA DAN AKAN TERUS BERKERJASAMA DENGAN KERAJAAN MALAYSIA.

TEXAS INSTRUMENTS BERHARAP DAPAT MEMBERESKAN MENJELANG LEWAT 1980 KIRA-KIRA AS\$10,000 JUTA DALAM BENTUK JUALAN MENERUSI KILANG-NYA DI MALAYSIA.

SEMINAR ITU JUGA MENARIK SOALAN-SOALAN MENGENAI PEMBIAYAAN PROJEK MENERUSI BANK-BANK DI MALAYSIA, KESATUAN SEKERJA DAN STRUKTUR CUKAI BAGI ORANG-ORANG ASING, ANGKA-ANGKA PERTUMBUHAN EKONOMI, PERANAN BARU PETRONAS DALAM KEGIATAN PENGELUARAN DAN PERUSAHAAN SAMPINGAN, KEADAAN PENGANGGURAN, HAK MILIK KILANG DAN PERLUASAN CAWANGAN-CAWANGAN BANK ASING. — BERSAMBUNG 1204/YF

££

B523

MAHATHIR-EKUITI 7 HOUSTON

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR BAHAWA MALAYSIA MEMERLUKAN TEKNOLOGI BARU MASUK KE NEGARA ITU BAGI MEMPROSES BARANG-BARANG BUATAN PETROLEUM.

AMERIKA SYARIKAT SEKARANG INI MENDUDUKI TEMPAT KETIGA SELEPAS JEPUN DAN SINGAPURA DALAM PENYERTAAN PELABURAN DI MALAYSIA.

PELABURAN NEGARA ITU DALAM BIDANG PEKILANGAN BERJUMLAH KIRA-KIRA \$239 JUTA. — BERNAMA 1206/YF